

11 JAN 2002

Mahathir-Yen/I

M'SIA BIMBANG PENYUSUTAN BERTERUSAN YEN

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Malaysia hari ini menyertai negara-negara lain di Asia dalam melahirkan kebimbangan terhadap penyusutan berterusan nilai yen kerana ia akan memberi tekanan kepada ekonomi-ekonomi serantau untuk menurunkan nilai mata wang masing-masing.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penurunan berterusan yen Jepun akan membawa kepada semakan semula tambatan ringgit berbanding dolar Amerika.

Malaysia menetapkan ringgit pada paras 3.80 berbanding dolar Amerika ketika kemuncak krisis serantau Asia untuk mengekang serangan spekulatif terhadap mata wang tempatan itu.

"Saya khuatir sekiranya ia (yen) terus jatuh, ia mungkin menyebabkan China menurunkan nilai mata wangnya dan jika China berbuat demikian ia akan memaksa kita memikirkan semula tambatan ringgit kita," katanya pada sidang media selepas pelancaran Dewan Muda, sayap Dewan Perdagangan dan Perniagaan Melayu Malaysia (DPPMM) di sini, hari ini.

Sejak dua bulan lalu, yen menyusut sebanyak 10 peratus berbanding dolar Amerika. Dolar Amerika ketika ini diniagakan sekitar 132 yen.

Apabila ditanya mengenai paras yen seterusnya yang boleh menambahkan lagi kebimbangannya, Dr Mahathir berkata, "saya tak tahu. mereka kata 140. Kita akan mengkajinya apabila ia tiba kepada paras 150."

Semalam, satu laporan memetik Eisuke Sakakibara, bekas naib menteri kewangan bagi hal ehwal antarabangsa Jepun sebagai berkata yen mungkin turun kepada paras 150-160 bagi satu dolar Amerika menjelang hujung tahun ini, mencerminkan asas ekonomi negara yang lemah.

Apabila ditanya sama ada Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi memberi jaminan terhadap nilai yen ketika pertemuan dua hala mereka, Dr Mahathir berkata: "Beliau tidak memberikan sebarang jaminan."

"Tetapi beliau menekankan akan cuba memastikan yen tidak mengalami penurunan seterusnya lagi," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Koizumi juga menyatakan pada satu ketika yen berada pada paras 250 bagi satu dolar Amerika.

Oleh itu, Perdana Menteri berkata, pada paras pertukaran semasa, yen kelihatan lebih kukuh berbanding dolar Amerika.

"Saya berharap ianya tidak bermakna beliau (Koizumi) akan membiarkan yen turun kepada paras 250 kerana ia akan mencetuskan banyak masalah kepada kita," kata Dr Mahathir.

Apabila ditanya mengenai kemajuan Plaza Rakyat, projek yang tertangguh sejak tiga tahun lalu, beliau berkata: "Kami masih mencari jalan untuk menyelesaikannya. Mungkin kita boleh memulakan semula projek itu dalam tempoh sebulan dua ini."

Plaza Rakyat adalah projek pembangunan bercampur yang merangkumi podium runcit, sebuah hotel sederhana dan terminal bas dan teksi.

Kira-kira 30 peratus daripada projek itu telah siap.

Wembley Industries Holdings Bhd, yang memajukan projek Plaza Rakyat itu, pada pertengahan 2001 menyatakan ia masih lagi mencari dana untuk membiayai projek itu sementara menunggu kelulusan bagi skim penyusunan semula hutangnya.

-- BERNAMA

MAD FR ZK PR